

12 MAR 2000

UMNO BAGAN CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

BUTTERWORTH, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Bagan hari ini sebulat suara mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu juga sebulat suara mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai Pengerusi Tetap Umno dan Datuk Onn Ismail sebagai timbalannya.

Bagi pencalonan jawatan naib presiden, bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Bagi kerusi Majlis Tertinggi, 25 calon yang dikemukakan ialah Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Wira Mohamad Ali Rustam, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Osu Haji Sukam, Datuk Dr Sulaiman Mohamad, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Mohd Shariff Omar, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Abdul Azim Mohd Zabidi, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Datuk Shahril Samad, Datuk Adnan Yaakob, Datuk Maznah Hamid, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Shafie Mohd Salleh, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA

SA FAZ